

ARTIKEL SURATKhabar

Nama Suratkhabar : Mingguan Malaysia (Segmen Rencana)

Tarikh : 22 Mac 2015 (Ahad)

Mukasurat : 8

MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 22 MAC 2015

mm no 22/3/15 ms 8 - Rencana -



LUQMAN HAZIQ ABDULLAH
utusan.johor@gmail.com



SULTAN IBRAHIM

WARIS DINASTI TEMENGGONG



ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR

ALMARHUM SULTAN IBRAHIM AL-MASYHUR

ALMARHUM SULTAN ISMAIL AL-KHALIDI

ALMARHUM SULTAN MAHMUD ISKANDAR AL-HAJ

SUASANA bandar raya Johor Bahru kini diseri dan diceriakan dengan poster "Daulat Tuanku" dan bendera negeri serta disimbahi dengan lampu berwarna-warni pada waktu malam, memeriahkan lagi sambutan Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor yang akan berlangsung esok.

Mungkin ramai yang ingin mengenali secara dekat salasilah keturunan Sultan Ibrahim Sultan Iskandar. Baginda yang diputerakan pada 22 November 1958 merupakan waris kelima kerajaan Johor moden daripada Dinasti Temenggong.

Sébenarnya sejarah awal Johor bermula pada tahun 1528 apabila Sultan Alauddin Riayat Shah daripada keturunan Kesultanan Melaka membuka negeri ini dan bertapak di Johor Lama. Kesultanan itu memerintah Johor hingga tahun 1699, iaitu tarikh kemangkatan Sultan Mahmood yang dikatakan dibunuh oleh Megat Seri Rama (Laksamana Bintan).

Sultan Mahmood tidak mempunyai waris yang sah dan oleh itu pengurusan dan pentadbiran Johor berpindah kepada Dinasti Bendaerah, iaitu menteri-menteri yang membantu Kesultanan Melaka. Oleh sebab perperangan dan bagi mengekalkan kuasa perdagangan, ibu negeri Johor telah berpindah sebanyak 20 kali di sepanjang Sungai Johor, termasuk pada akhirnya di Kepulauan Riau.

Dalam tahun 1769 Sultan Mahmood III diangkat sebagai Sultan Johor Riau. Baginda melantik Temenggong Abdul Hamid sebagai Temenggong Johor yang turut diiktiraf oleh penjajah Inggeris dan turut mengiktiraf Temenggong Abdul Rahman Ibni Temenggong Abdul Hamid sebagai Temenggong Johor-Singapura.

Pelantikan itu merupakan titik permulaan Dinasti Temenggong memerintah Johor. Penjajah Inggeris seterusnya melantik Sultan Husain, anakanda Sultan Mahmood sebagai Sultan Johor-Singapura pada 1819.

Anakanda Temenggong Abdul

Rahman, iaitu Temenggong Daeng Ibrahim dilantik Temenggong Johor selepas kemangkatan ayahandanya baginda pada 1825. Pelantikan baginda disahkan 14 tahun selepas kemangkatan ayahanda disebabkan keengganan Inggeris dan keraguan Sultan Husain. Pada 10 Mac 1855 Sultan Johor, iaitu Sultan Ali Iskandar Shah telah menyerah keseluruhan kerajaan dan negeri Johor melainkan jajahan Kesang kepada Temenggong Ibrahim menurut satah perjanjian, dan kemangkatan Sultan Ali pada 20 Jun 1877 mendangkan tamat pemerintahan Dinasti Bendaerah.

Setelah memiliki ketuanan Johor, Temenggong Daeng Ibrahim membuka Bandar Iskandar Puteri di Tanjung Puteri pada tahun 1855. Bermula dari tarikh itu, zahirlah pentadbiran Kesultanan Johor Moden diasaskan oleh Temenggong Daeng Ibrahim sehingga kemangkatan baginda pada 31 Januari 1862.

Hasrat Inggeris ingin menjadikan Johor sebagai kawasan pedalaman yang banyak membantu pertumbuhan Singapura sebagai pusat perdagangan antarabangsa telah membolehkan Temenggong Ibrahim menjadikan Johor sebagai pusat pengeluaran lada hitam dan gambir melalui Sistem Kangchu Cina dan Sistem Buruh Kontrak Jawa.

Kepesatan kemajuan negeri Johor yang dirintis oleh baginda terus diperkasa dan diperkuahkan oleh anakanda baginda, Sultan Abu Bakar yang memerintah dari tahun 1862 hingga 1895 termasuk menukar

nama bandar Iskandar Puteri kepada Johor Bahru dan turut mereka semula bendera negeri dan bendera peribadi pada 1871.

Menerusi Perjanjian Setia pada 1885, baginda yang memrakai gelaran "Maharaja" dan waris-waris baginda diiktiraf oleh Inggeris dan memakai gelaran Sultan Johor. Berikutnya perjanjian tersebut Sultan Abu Bakar turut menyubuhkan Askar Timbalan Setia Negeri Johor, Bandar Johor Bahru dan negeri Johor terus dimajukan dan Sultan Abu Bakar turut melantik Datuk Jaafar Muhammad sebagai Menteri Besar Johor pertama. Legasi Kesultanan Johor diteruskan oleh Sultan Ibrahim pada 7 September 1895 berikutnya kemangkatan ayahanda baginda, Sultan Abu Bakar. Baginda yang diputerakan pada 17 September 1873 memang telah diasuh dan dipimpin sejak kecil sebagai balaik raja termasuk didedahkan dengan dunia luar dengan melawat beberapa negara seperti Eropah, Jepun, China dan Amerika Syarikat.

Semasa pemerintah baginda, jalan kereta api merentasi negeri Johor dapat disiapkan pada 1908 dan Tambak Johor yang menghubungkan Johor Bahru-Singapura berjaya disiap pada tahun 1924. Selain itu, baginda amat mengambil berat hal pendidikan dengan meningkatkan pelajaran wajib diberikan kepada semua kanak-kanak menerusi penggubalan Enakmen Pelajaran Wajib 1902.

Baginda yang mangkat pada 8 Mei 1959 kemudian digantikan oleh anakanda baginda, Sultan Ismail yang diputerakan pada 28 Oktober 1894 dan

baginda sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan negeri, termasuk mengilhamkan Penubuhan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora), Projek Johor Barat, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan (Felcr) dan Pelabuhan Pasir Gudang.

Selepas kemangkatan Sultan Ismail pada 10 Mei 1981, Kesultanan Johor diteruskan oleh Sultan Iskandar yang diputerakan pada 8 April 1932. Di bawah naungan baginda, Johor terus maju serta pelbagai pembangunan prasarana, perumahan, ekonomi, pelajaran dilaksanakan termasuk agama Islam berkembang dengan pesat. Malah, koridor ekonomi yang pesat membangun di negeri ini, Iskandar Malaysia dan pusat pentadbiran baharu kerajaan negeri dikenali sebagai Kota Iskandar di Nusajaya telah dirasmikan oleh baginda pada 16 April 2009. Kepesatan pembangunan negeri Johor kemudian diteruskan oleh anakanda baginda, Sultan Ibrahim yang dimasyhurkan pada 23 Januari 2010.

Nyata di bawah naungan baginda, Johor semakin pesat membangun, sekali gus meningkatkan taraf hidup dan esejahteraan rakyat jelata. Baginda amat terkenal sebagai Sultan yang berjiwa rakyat dan telah mengilhamkan program Kembara Mahkota Johor (KMJ) sejak 2001 dengan menjelajah ke seluruh pelosok negeri untuk mendekati dan menyelami kehidupan rakyat jelata.

Daulat Tuanku.